

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 - 6/1/1 (8)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN
SUBANG JAYA BIL. 08 TAHUN 2013**

Tarikh : 28 Ogos 2013 (Rabu)
Masa : 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari
**Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2,
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1. | YBhg. Dato' Asmawi bin Kasbi
Yang Dipertua MPSJ | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Abdullah bin Marjunid
Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Pooi Weng Keong | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Arumugam a/l Kalimuthu | - | " |
| 5. | Encik Stephen Chin Sou Bong | - | " |
| 6. | Encik Keshminder Singh a/l K. Karam Singh | - | " |
| 7. | Encik Mohd Nasir bin Yusof | - | " |
| 8. | Puan Norhesni binti Ismail | - | " |
| 9. | Encik Sapiyan bin Mohd. Din | - | " |
| 10. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |

- | | | | |
|-----|---|---|---|
| 11. | Encik Micheal Tamilarason a/l K. Nadaysen | - | " |
| 12. | Encik Sufari bin Tinnin | - | " |
| 13. | Puan Azizan binti Jamaludin | - | " |
| 14. | Encik Jaber bin Ami | - | " |
| 15. | Encik Muzammil bin Hafiz | - | " |
| 16. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 17. | Puan Sazana binti Isa | - | " |
| 18. | Encik Chang Kim Loong, AMN | - | " |
| 19. | Encik Cheah Sang Soon | - | " |
| 20. | Encik Michael Noel Jalleh | - | " |
| 21. | Encik Yap Kok Weng | - | " |
| 22. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|-----------------------|---|-------------|
| 1. | Dr. Loi Kheng Min | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik Chong Hoon Ming | - | " |
| 3. | Encik Loka Ng Sai Kai | - | " |

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Encik Mohd. Zulkurnain bin Che Ali
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Hamizun binti Mohd. Basar
Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat
3. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
4. Y.M. Raja Amir Iskandar bin Raja Azlan
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
5. Encik Mohd Fadzil bin Mahat
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
6. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
7. Puan Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman
Pengarah, Jabatan Hasil
8. Puan Anita binti Abd. Jalil
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
9. Encik Norjafni bin Zainuddin
Pengarah, Jabatan OSC
10. Encik Ismail bin Salim
Pengarah, Jabatan Pelesenan
11. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin
Pengarah, Jabatan Kesihatan
12. Puan Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
13. Encik Zahiruddin bin Hashim
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat

14. Encik Nor Azmi bin Mohd. Rosli
Pengarah, Jabatan Bangunan
15. Mejar Mohd Rasip bin Rasul (Bersara)
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
16. Puan Noraziah binti Ali
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Audit Dalam
17. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
18. Encik Noorhafez bin Nordin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan COB
19. Ir. Mohd Ariffuddin bin Hj Kamari
Timbalan Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
20. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
21. Puan Aida binti Omar
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
22. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat
23. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
24. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
25. Cik Hasnor Salwa binti Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
26. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pelesenan
27. Encik Mohd Haizi bin Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan

28. Puan Rohana binti Ramli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
29. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
30. Puan Nor Shahela binti Amzah
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perbendaharaan
31. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
32. Encik Mohd Reyzal bin Mazlan
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
33. Encik Mohd Hafiz bin Sharif
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
34. Puan Aziana binti Mohamad Aripin
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
35. Puan Sadzliawaty binti Mohamad Dom
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
36. Puan Rahimah binti Aisa @ Hassan
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
37. Encik Nurli Izwan bin Osman
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
38. Puan Siti Kartina binti Juhari
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
39. Cik Adibah binti Abdullah
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
40. Puan Raja Norfadzila binti Raja Ayob
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
41. Encik Mohd Safiee bin Junun
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan

42. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
43. Puan Nurfadzliana binti Ahmad Fadzil
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
44. Puan Noraini binti Nazaruddin
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
45. Puan Azizah binti Idris
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
46. Puan Nur Maini binti Ariffin
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
47. Encik Alias bin Miskon
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
48. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah, Bahagian Audit Dalam
49. Encik Mohd Nazri bin Jamaludin
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
50. Puan Mimi Zareena binti Md Nor
Penolong Pengarah, Jabatan OSC

URUSETIA

1. Encik Isham bin Abu Kassim
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Habibah binti Ab.Manap
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

1.0 DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Ustaz Mohd Nasir Bin Yusof, Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 UCAPAN PENGERUSI

YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat pada kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 08/2013 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara:

2.1 Majlis Melafaz Ikrar Dan Menandatangani Perakuan Menerima Jawatan Ahli Majlis Baru Majlis Perbandaran Subang Jaya Bagi Tempoh 19 Ogos 2013 – 31 Disember 2013

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya telah mengadakan Majlis Melafaz Ikrar Dan Menandatangani Perakuan Menerima Jawatan Ahli Majlis Baru Majlis Perbandaran Subang Jaya Bagi Tempoh 19 Ogos 2013 – 31 Disember 2013 pada 19 Ogos 2013 (Isnin), jam 9.30 pagi bertempat di Bilik Dato' YDP.

Pihak Majlis mengucapkan tahniah kepada dua (2) orang Ahli Majlis iaitu Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh dan Encik Yap Kok Weng yang telah diberi kepercayaan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk menjadi Ahli Majlis di Majlis Perbandaran Subang Jaya bagi menggantikan Y.B. Ng Sze Han dan Y.B. Rajiv a/l Rishyakaran.

Sehubungan dengan perlantikan ini, Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh akan menguruskan kawasan JKP Zon 2 manakala Encik Yap Kok Weng akan menguruskan kawasan JKP Zon 23.

Terdapat satu pindaan bagi pengurusan kawasan zon JKP iaitu Encik Chia Yew Ken akan menguruskan kawasan JKP Zon 1.

Seterusnya disenaraikan pula Mesyuarat Jawatankuasa MPSJ yang dianggotai oleh Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh dan Encik Yap Kok Weng;

- A. Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh
 - i. Jawatankuasa Kewangan
 - ii. Jawatankuasa Pengindahan Bandar
 - iii. Jawatankuasa Kemasyarakatan

- B. Encik Yap Kok Weng
 - i. Jawatankuasa Kewangan
 - ii. Jawatankuasa Perkhidmatan & ICT
 - iii. Jawatankuasa Kemasyarakatan

Terdapat pindaan terhadap keanggotaan Mesyuarat Jawatankuasa MPSJ iaitu Encik Tai Cheng Heng akan menganggotai Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur manakala Encik Pooi Weng Keong akan menganggotai Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).

2.2 Kempen Kawalan Tikus Dan Program Gotong Royong Perdana 2013 Peringkat Majlis Perbandaran Subang Jaya

Majlis Perbandaran Subang Jaya telah mengadakan Kempen Kawalan Tikus Dan Program Gotong Royong Perdana 2013 Peringkat Majlis Perbandaran Subang Jaya pada 24 Ogos 2013 (Sabtu), jam 10.00 pagi – 12.00 tengah hari bertempat di IOI Boulevard, Bandar Puchong Jaya.

Kempen ini telah dirasmikan oleh tetamu kehormat YBhg. Dato' Haji Mohamad Roslan bin Sakiman, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pembangunan).

2.3 Lawatan Panel Pemeriksaan Projek Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) Tahun 2013

MPSJ telah menerima Lawatan Panel Penilai Pemeriksaan Projek Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) Tahun 2013 pada 26 Ogos 2013 (Isnin), jam 9.30 pagi bertempat di Laman Kenanga, MPSJ.

Barisan Panel Penilai terdiri daripada Encik Shahrul Nizam bin Ahmad, Pegawai Daerah Hulu Langat dan Encik Izham bin Mohd Yusof, Penolong Jurutera, Unit Pengurusan Bahagian Bangunan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Tujuan lawatan ini adalah untuk memeriksa projek KIK MPSJ yang akan dipertandingkan dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor Tahun 2013. MPSJ akan diwakili oleh dua projek KIK seperti berikut:

- i. *Mempercepatkan Proses Penjualan Pelan Guna Tanah Kepada Pelanggan* oleh Kumpulan D'Planners
- ii. *Kesukaran Carian Lot Pusara* oleh Kumpulan EP

Pihak Pengurusan MPSJ mengucapkan selamat maju jaya kepada pasukan MPSJ dan semoga projek yang dipertandingkan ini dapat memberi kejayaan kepada MPSJ.

2.4 MPSJ Ke Arah Pensijilan Green 5S

MPSJ komited untuk memperkasakan Sistem Pengurusan Kualiti Menyeluruh melalui pelaksanaan program Green 5S.

Audit Pensijilan Green 5S akan diadakan pada 29 Ogos 2013 (Khamis) oleh pihak SIRIM QAS Sdn. Bhd.

Pihak Majlis berharap seluruh warga kerja MPSJ dapat bersama-sama memberikan sokongan dan komitmen yang tinggi, sekaligus bergerak seiring dengan aspirasi MPSJ untuk memelihara alam sekitar yang lebih lestari untuk generasi kini dan akan datang.

2.5 Majlis Sambutan Bulan Kemerdekaan Ke 56 Dan Sambutan Jubli Emas Hari Malaysia Ke 50 Peringkat Negeri Selangor Darul Ehsan Tahun 2013

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Sambutan Bulan Kemerdekaan Ke 56 dan Sambutan Jubli Emas Hari Malaysia Ke 50 Peringkat Negeri Selangor tahun 2013 akan diadakan pada 30 Ogos 2013 (Jumaat), bermula jam 9.00 malam bertempat di Dataran Kemerdekaan, Shah Alam.

Bersempena dengan Majlis Sambutan Bulan Kemerdekaan ini, satu Majlis Bacaan Yasin akan diadakan pada 30 Ogos 2013 (Jumaat), jam 12.00 tengah hari di Masjid Negeri, Shah Alam. Majlis ini turut dihadiri oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

Pihak Majlis turut menghantar kontinjen bagi menyertai acara Perbarisan dan Perarakan Kemerdekaan.

2.6 Program Inspektorat Khas Keselamatan Perlindungan Di Majlis Perbandaran Subang Jaya

Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menerima kunjungan daripada Pasukan Inspektorat Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (KPKK), Jabatan Perdana Menteri bagi melaksanakan Program Inspektorat Khas Keselamatan Perlindungan Di Majlis Perbandaran Subang Jaya

pada 11 dan 12 September 2013 (Rabu dan Khamis), jam 9.00 pagi – 4.30 petang bertempat di Laman Kenanga, MPSJ.

Inspektorat ini dijalankan bertujuan untuk membantu meningkatkan dan memantapkan tahap keselamatan perlindungan dari aspek keselamatan fizikal, keselamatan dokumen, keselamatan peribadi dan keselamatan ICT serta memberi khidmat nasihat melalui syor-syor berkaitan yang akan dikemukakan.

Inspektorat khas ini juga diadakan bagi mengiktiraf tadbir urus keselamatan perlindungan yang terbaik di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan kearah meningkatkan usaha dan komitmen Ketua Jabatan dan Pegawai Keselamatan Jabatan untuk secara konsisten mengamal, melaksana dan menguatkuasakan keselamatan perlindungan pada tahap terbaik sehingga mendapat pengiktirafan melalui anugerah ini di majlis yang akan diadakan pada bulan Februari 2014.

2.7 Majlis Penyampaian Sumbangan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) MPSJ 2013

Setiap tahun MPSJ telah menganjurkan pelbagai program dan aktiviti di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) MPSJ. Dalam Majlis Penyampaian Sumbangan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) MPSJ 2013 kali ini, pihak Majlis telah memperuntukkan sejumlah RM144,000.00 di mana setiap JKP MPSJ akan diperuntukkan RM6,000.00 bagi melaksanakan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) di kawasan masing-masing.

Dalam Majlis Penyampaian Sumbangan ini, setiap JKP MPSJ akan menyenaraikan 20 orang individu dari golongan yang kurang berkemampuan (ibu tunggal, anak yatim dan golongan kurang upaya) untuk menerima sumbangan barangan keperluan asas (seperti beras, gula, minyak masak) serta wang tunai RM100.00 seorang.

Objektif Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) MPSJ adalah seperti berikut:

- i. Membantu golongan kurang berkemampuan menjana pendapatan dengan melibatkan mereka dalam program keusahawanan seperti kelas jahitan, bakeri dan kelas kemahiran yang diadakan oleh pihak Majlis.
- ii. Mengeratkan dan memperkukuhkan hubungan baik yang sedia terjalin di antara MPSJ, JKP dan penduduk.
- iii. Memberikan motivasi dan kesedaran terhadap aspek hubungan sesama manusia tanpa mengira kedudukan dan sosio-ekonomi.

Program ini akan diadakan pada 29 September 2013 (Ahad), bermula pada jam 10.00 pagi. Lokasi berlangsungnya program ini akan dimaklumkan kemudian.

2.8 Laporan Demam Denggi

Bilangan kes denggi dilaporkan tahun ini sehingga Minggu Epid 33 (iaitu sehingga 17 Ogos 2013) adalah sebanyak 803 kes dilaporkan dan sebanyak 392 kes disahkan positif. Buat masa ini tiada kawasan 'hotspots' denggi di kawasan pentadbiran MPSJ. Kerjasama masyarakat dengan melaksanakan Kempen 10 Minit dan gotong royong adalah amat diperlukan untuk memastikan kes denggi dapat dikurangkan.

3.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 07/2013 BERTARIKH 30 JULAI 2013.

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 07/2013 bertarikh 30 Julai 2013 telah disahkan tanpa pindaan.

4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

4.1 Program Nyamuk Toxo

Encik Mohd Nasir bin Yusof memohon maklumbalas terkini berkenaan Program Pelepasan Nyamuk Toxo yang dilaksanakan oleh pihak Majlis. Beliau juga ingin tahu kawasan manakah yang akan dipilih untuk program ini bagi peringkat seterusnya.

Tindakan : Jabatan Kesihatan

4.2 Kajian Tahap Radiasi Ke Atas Struktur Telekomunikasi

Encik Jaber bin Ami memohon supaya pihak Majlis mengadakan sesi taklimat bersama pakar daripada agensi yang berkaitan bagi memberikan penerangan dan penjelasan berkenaan tahap keselamatan kesan radiasi ke atas struktur telekomunikasi oleh Syarikat Telco di kawasan pentadbiran MPSJ. Kawasan yang dicadangkan untuk peringkat permulaan ini adalah di kawasan Putra Heights, Bandar Puteri, Puchong Perdana dan Puchong Indah.

Tindakan : Jabatan Bangunan

4.3 Cadangan Mengadakan Mesyuarat Koordinasi Berhubung Isu Teknikal Bagi Syarikat Fine Leather Industry Sdn. Bhd.

Encik Pooi Weng Keong memohon supaya pihak Majlis mengadakan mesyuarat koordinasi bagi membincangkan isu-isu teknikal berkaitan lot-lot industri Syarikat Fine Leather Industry Sdn. Bhd. di Taman Perindustrian Putra Permai, Seri Kembangan. Sehubungan dengan itu, Encik Chang Kim Loong telah menawarkan diri untuk mempengerusikan mesyuarat koordinasi tersebut.

Tindakan : Jabatan Bangunan

5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat Bil. 08/2013 Bertarikh 01 Ogos 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 2 (a) (iii) m.s 4	En. Jaber bin Ami	Permasalahan Lampu Jalan Di Putra Heights	Beliau memaklumkan isu berkenaan permasalahan lampu jalan di kawasan Putra Heights terus berlarutan dan masih belum diselesaikan. Beliau turut mencadangkan supaya Jabatan Kejuruteraan mengadakan satu perjumpaan bersama pihak Pemaju dan Ahli Majlis bagi membincangkan berkenaan permasalahan yang berlaku. <u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Kejuruteraan mengambil tindakan segera berhubung perkara ini.

Tindakan : Bahagian Audit Dalam

**5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
Bil. 15/2013 Bertarikh 01 Ogos 2013**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

**5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
Bil. 16/2013 Bertarikh 26 Ogos 2013**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan.

Tambahan Minit :

Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 16/2013 memaklumkan terdapat tambahan minit seperti berikut:

Para 5.4 Muka Surat 65

Permohonan perlaksanaan kutipan wang menggunakan kaedah-kaedah pengiraan caruman dan penubuhan kumpulan wang perkhidmatan kemajuan (Improvement Service Fund) ISF di kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya.

Keputusan :

Mesyuarat **MELULUSKAN** secara dasar dengan kadar pengiraan perlu disemak semula dan dibawa ke Mesyuarat MTES bagi mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

Tindakan : Jabatan Kejuruteraan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 3.5 m.s 9	En. Chang Kim Loong	Flora Development Sdn. Bhd.	<p>Beliau meminta supaya pihak IOI Group dan Flora Development Sdn. Bhd. mengadakan sesi taklimat berkaitan cadangan pembangunan di kawasan Bandar Puteri, Puchong.</p> <p>Beliau mencadangkan supaya semua ADUN dan Ahli Majlis dijemput untuk menghadiri taklimat ini.</p> <p>Beliau turut meminta supaya pembentangan laporan 'Traffic Impact Assesment', 'TIA' dan Laporan Kajian Lalulintas Dan Pengangkutan Jalan dimasukkan sebagai salah satu agenda di dalam taklimat berkenaan.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan meminta Jabatan Perancang Bandar mengambil tindakan selanjutnya berhubung perkara ini.</p>

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Dan Teknologi Maklumat Bil. 06/2013 Bertarikh 19 Ogos 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan

5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 08/2013 Bertarikh 19 Ogos 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Perbendaharaan

5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 08/2013 Bertarikh 20 Ogos 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Kejuruteraan

5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 08/2013 Bertarikh 20 Ogos 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 5.5.1 m.s 11	En. Chang Kim Loong	Operasi Iklan Haram Di Kawasan MPSJ	<p>Beliau memohon supaya pihak Majlis mencari kaedah dan mekanisme yang lebih berkesan bagi menangani isu iklan-iklan haram yang masih berlarutan dan bertambah serius di kawasan pentadbiran MPSJ.</p> <p>Beliau turut mencadangkan supaya tindakan lebih tegas diambil terhadap pihak yang terlibat dalam penampalan iklan-iklan haram ini.</p> <p>Beliau seterusnya mencadangkan agar satu jawatankuasa teknikal dibentuk bagi mengenalpasti langkah-langkah pencegahan yang lebih serius serta mencari alternatif yang lebih berkesan untuk membendung perkara ini daripada terus berleluasa.</p>

				<p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan meminta Jabatan Pengurusan Alam Sekitar, Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Undang-Undang untuk memperhalusi perkara ini bagi mencari kaedah yang lebih berkesan untuk membanteras isu-isu berkaitan iklan haram ini.</p> <p>Dato' Yang Dipertua turut memaklumkan bahawa pihak Kerajaan Negeri sedang dalam peringkat untuk mewujudkan Enakmen Kebersihan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor sebagai salah satu usaha memastikan keberkesanan penguatkuasaan ke atas isu-isu kebersihan di PBT Selangor termasuklah isu-isu yang berkaitan dengan iklan-iklan haram ini.</p>
--	--	--	--	--

Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

5.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil. 08/2013 Bertarikh 21 Ogos 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pelesenan

5.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 08/2013 Bertarikh 21 Ogos 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 5.6 m.s 12	En. Muzammil bin Hafiz	Kertas Cadangan Dasar Permohonan Dan Kelulusan Kerja Inden JKP MPSJ 2013	Beliau memohon supaya pihak urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan mengadakan satu sesi taklimat bagi memberikan penjelasan lanjut berkenaan Kertas Cadangan Dasar Permohonan dan Kelulusan Kerja Inden JKP MPSJ 2013 sebelum sebarang keputusan diambil berhubung perkara ini.

				<p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan meminta pihak urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan mengadakan sesi penerangan dan taklimat berhubung perkara ini sebaik sahaja selepas tamat Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 08/2013 pada hari ini.</p> <p><u>Pindaan Minit :</u></p> <p>Mesyuarat telah bersetuju untuk <u>meluluskan</u> Kertas Cadangan Dasar Permohonan Dan Kelulusan Kerja Inden JKP MPSJ 2013 dengan pindaan selepas taklimat diadakan.</p>
--	--	--	--	--

Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat

6.0 UCAPAN PENANGGUHAN

- 6.1** YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis di atas kerjasama sepanjang mesyuarat dijalankan dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari.

'MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI'

Disediakan oleh;

.....
(ABDULLAH BIN MARJUNID, A.I.S., A.M.S.)
Setiausaha Perbandaran
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(DATO' ASMAWI BIN KASBI, D.S.I.S., S.M.S.)
Pengerusi Mesyuarat
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Tarikh :